

29 JUN 2002

Abdullah-P/Raya

ABDULLAH JANGKA PERSAINGAN HEBAT DI PENDANG DAN ANAK BUKIT

ALOR SETAR, 29 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit akan menyaksikan persaingan sengit.

Ini kerana Barisan Nasional (BN) akan berusaha gigih untuk merampas balik kedua-dua kerusi pilihan raya itu manakala PAS pula akan berbuat apa sahaja untuk mempertahankannya, kata beliau dalam persidangan berita selepas menemui BN Kedah dan jawatankuasa perhubungan Umno negeri di kediaman rasmi Menteri Besar Kedah, Mentaloon, di sini.

PAS merupakan penyandang kedua-dua kerusi itu manakala BN pula pencabar. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) hari ini menetapkan tarikh penamaan calon ialah pada 10 Julai dan pengundian pada 18 Julai di kedua-dua kawasan pilihan raya itu.

Kedua-dua kerusi itu kosong ekoran kematian wakil rakyatnya Datuk Fadzil Noor yang juga Presiden PAS, Ahad lepas.

Bagaimanapun, Abdullah yakin BN akan memenangi kedua-dua pilihan raya kecil itu berdasarkan persediaannya yang rapi dan peningkatan sokongan rakyat kepada BN.

Beliau berkata BN telah bersedia untuk mematahkan segala hujah yang akan dibangkitkan oleh pembangkang termasuk soal agama dan pendidikan pada kedua-dua pilihan raya kecil itu.

Dengan kekosongan kerusi Anak Bukit itu, Dewan Undangan Negeri Kedah yang mempunyai 36 kerusi itu kini diwakili oleh BN 23 kerusi, PAS 11 kerusi dan Keadilan 1 kerusi.

BN mahu mendapatkan semula kerusi Anak Bukit itu yang pernah menjadi miliknya sebelum pilihan raya umum 1999, bagi memperolehi majoriti dua per tiga di Dewan manakala pembangkang pula mahu menafikan majoriti itu.

Abdullah berkata soal calon BN belum diputuskan lagi dan menambah kata Umno pusat belum lagi menerima pencalonan daripada Umno Kedah.

Menjawab satu soalan, Abdullah berkata adalah tidak tepat untuk menjadikan keputusan kedua-dua pilihan raya kecil itu sebagai kayu ukur kemampuan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata keadaan keselamatan di kedua-dua kawasan pilihan raya kecil itu adalah terkawal.

Abdullah juga tidak menjangka soal peralihan kuasa daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada beliau akan menjadi isu pada pilihan raya kecil itu.

-- BERNAMA

JM PR